

**Masyarakat Orang Asli Bera Hargai Peruntukan Bina Jambatan Yang Diumum Najib Bernama  
9 April, 2012**

BERA, 9 April (Bernama) -- Masyarakat Orang Asli di daerah ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengumumkan peruntukan RM6.2 juta bagi membina dua jambatan di kawasan mereka.

Tok Batin Orang Asli Kampung Bukit Gemuruh, Johari Salam berkata pembinaan jambatan di Sungai Tuang dan Lubuk Tembangan itu akan memudahkan kira-kira 4,000 Orang Asli mengangkut hasil untuk dijual di pekan.

"Dengan adanya dua jambatan ini kelak, lebih banyak hasil pertanian seperti getah, kelapa sawit, buah-buahan dan sebagainya dapat dijual di pasar, sekali gus meningkatkan taraf kehidupan mereka," katanya kepada Bernama di sini.

Peruntukan itu diumumkan Najib pada 31 Mac lepas ketika majlis pemimpin bersama peneroka di Felda Triang 3.

Mengulas lanjut, Johari berkata peruntukan besar yang diumumkan Perdana Menteri itu juga menghakis pembohongan pembangkang bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) meminggirkan masyarakat Orang Asli.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657826>